




GOTONG-ROYONG...pelajar bersama-sama memasak hidangan sekampung.

PROGRAM PROMOSI KUKTEM

Pelajar beri khidmat
komuniti kepada penduduk
Kampung Sri Fajar

Oleh Ilham Nusa
rencana@hmetro.com.my

MEWUJUDKAN hubungan mesra antara mahasiswa Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (Kuktem) dengan masyarakat luar antara objektif utama disasarkan dalam program khidmat komuniti Kampung Sri Fajar, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Selain itu, program itu juga sebahagian langkah mempromosikan Kuktem, sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tempatan yang ditubuhkan khusus bagi menjana perkembangan ilmu di negara ini.

Pengarah projek, Mohd Zubairi Abd Rahman, berkata program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) itu selaras wawasan Kuktem untuk mendedahkan mahasiswa terhadap kemampuan membina hubungan positif dengan masyarakat.

"Diharap program murni ini dapat memberi pendedahan kepada mereka cara membentuk perwatakan diri di luar lingkungan komuniti kampus.

"Selain itu, diharap ia mampu mempromosikan Kuktem sebagai institusi pendidikan baru kepada masyarakat selain mengetahui fungsinya antara IPTA terunggul," katanya.



MOHD ZUBAIRI...bina hubungan dengan masyarakat.

Program berkenaan disertai lebih 70 mahasiswa yang melakukan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, menanam pokok hiasan serta tidak ketinggalan mengadakan jamuan kenduri sekampung.

Sebagai hiburan, diadakan pembacaan sajak, persembahan silat selain perlawanan bola tampar dan sumbangan cenderahati kepada warga emas.

Majlis perasmian disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin.

Menurut Mohd Zubairi, program itu mampu menyedarkan mahasiswa kelebihan akademik bukan ukuran untuk dihormati.



SIMBOLIK...Ahmad (tengah) menanam pokok pinang sebagai tanda sokongan.